

PEMETAAN DAN ANALISIS TIPOLOGI REKAAN MAHKOTA ATAP MASJID TRADISIONAL DI NEGERI MELAKA

*(MAPPING AND TYPOLOGICAL ANALYSIS OF THE TRADITIONAL
MOSQUE ROOF CROWN DESIGNS IN MALACCA)*

**Nurfarahhana Ismail, Ros Mahwati Ahmad Zakaria
& Zuliskandar Ramli**

Abstrak

Mahkota atap masjid merupakan hiasan berbentuk 3D yang direka dalam pelbagai bentuk dan saiz yang berbeza. Mahkota atap ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri iaitu mempunyai tapak asas berbentuk empat persegi, berbentuk piramid, bertingkat, dan mempunyai hiasan sudut. Namun, keunikan mahkota atap masjid kini semakin terancam dan bilangannya semakin berkurangan disebabkan segelintir masyarakat yang tidak menerima dan dikatakan tidak sesuai hiasan ini berada pada bangunan masjid kerana mempunyai motif bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu, tujuan utama kertas ini adalah untuk memetakan lokasi masjid yang masih bermahkota dan klasifikasi tipologi rekaan mahkota yang terdapat pada mahkota atap masjid di Melaka. Kaedah kajian yang digunakan bagi mencapai objektif ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan serta menggunakan tipologi analisis. Kajian ini dijalankan di seluruh daerah di Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah. Penyelidikan ini dijalankan secara pendokumentasian bergambar 360° dengan menggunakan teknologi Dron jenis DJI Phantom 3 Standard untuk mendapatkan reka bentuk mahkota atap secara terperinci dan juga aplikasi *Google Maps* bagi memetakan lokasi masjid yang terlibat. Penggunaan *Adobe Illustrator* juga membantu dalam menghasilkan ilustrasi visual rekaan mahkota atap masjid di Melaka. Hasil kajian telah menemui sebanyak 38 buah masjid tradisional yang masih mempunyai mahkota atap di Melaka. Hasil penemuan ini juga telah mengenal pasti beberapa jenis tipologi reka bentuk yang ditonjolkan pada rekaan mahkota atap masjid di Melaka. Hasil dapatan ini diharapkan agar perhiasan mahkota atap masjid ini tetap terus digunakan pada bangunan masjid sebagai seni perhiasan yang melambangkan identiti bagi masyarakat Islam tempatan khususnya di Melaka.

Kata kunci: Masjid, mahkota atap, tipologi, Melaka, Islam

Abstract

Roof Crown of the mosque is a 3D ornament designed in various shapes and sizes. Roof Crown has its own unique characteristics that have a basic rectangle, pyramid-shaped, terraced, and have angle decoration. However, the uniqueness of the mosque's rooftop crown is now threatened and its numbers are dwindling due to the fact that some of the people who do not accept and say that this decoration is not in the mosque building due to

reasons which do not adhere to Islamic teachings. Therefore, the main purpose of this paper is to be mapping the location of the roof crown of mosque and the typological classification of the crown design found on the crown roof of the mosque in Malacca. The research method used to achieve this objective is to use qualitative methods involving library and field studies as well as using typology of analysis. This study was conducted in all districts in the State of Malacca namely Jasin, Central Malacca and Alor Gajah. The research was carried out in 360 ° visual documentation using DJI Phantom 3 Standard Dron technology to get detailed roof crown design as well as Google Maps application to map the location of the mosque. The use of Adobe Illustrator also helped to create a visual illustration of a mosque's crowning crown in Malacca. The results of this study have found that 38 traditional mosques still have a rooftop crown in Malacca. The results of this study have identified several types of design typologies that have been featured in the design of a mosque roof crown in Malacca. The findings of this study are expected to keep the crown jewel of the mosque still in use in the mosque building as an art decoration that represents the identity of the local Muslim community, especially in Malacca.

Keywords: *Roof crown, mosque, typology, Malacca, Islam*

PENGENALAN

Masjid ialah lambang seni bina yang terpenting dalam Islam. Masjid berkembang secara evolusi daripada bentuk yang sederhana di peringkat awal dan semakin berkembang ke arah bentuk yang lebih sempurna (Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi 1995). Faktor perkembangan ini telah menyebabkan berlakunya proses akulturasi dalam seni bina Islam yang melibatkan bentuk dan seni bina tempatan.

Sebelum kedatangan Islam, seni bina terawal di alam Melayu mempunyai pengaruhnya yang tersendiri. Kebanyakan masjid lama menggunakan bumbung yang berbentuk meru dan beratap tumpang atau juga dikenali sebagai bumbung som pecah empat (Abdul Halim Nasir 1979) yang menjadi bukti kesinambungan gaya seni bina Hindu-Buddha yang kuat di rantau ini sebelum kedatangan Islam (Abdul Halim 2004).

Masjid di Melaka terkenal dan menjadi tarikan utama sebagai “gaya Melaka” kerana mempunyai ciri penting dalam reka bentuknya yang berbentuk meru atau dikenali dengan bentuk atap tumpang, mempunyai hiasan sulur bayur dan mempunyai hiasan mahkota pada puncak bumbung masjid. Selain dikenali sebagai atap tumpang, reka bentuk masjid yang terdapat di Melaka juga disebut sebagai masjid berbumbung piramid (Mastor Surat 2008). Menurut teori yang dibawa oleh Graaf (2004) dan Lombard (1996), pengaruh daripada Cina sangat kuat dalam binaan bumbung bertingkat pada masjid-masjid lama di Jawa kerana terdapat bentuk pagoda pada atapnya. Hal ini terbukti, apabila ramai pedagang-pedagang Cina yang dominan menetap di pantai Utara Jawa sambil menyebarkan ajaran Islam (Handinoto & Samuel Hartono 2007). Boyd (1962) pula berpendapat, bahawa gaya dan reka bentuk bumbung meru dikatakan diambil daripada seni bina yang dipraktikkan sewaktu zaman Dinasti Ming. Justeru, hasil penghijrahan masyarakat Cina ke Asia Tenggara telah membawa bersama reka bentuk bumbung meru dan diubah mengikut kesesuaian. Bukan itu sahaja, pengaruh Cina dalam reka bentuk masjid juga sangat kuat melalui motif hiasan yang mempunyai ukiran bermotifkan corak Cina pada penghujung atap dan hiasan puncak pada bumbung masjid yang dilihat sangat ketara (Anisah Bahyah Ahmad & Wan Kamal Mujani 2013).

Bagi Zulkifli Hanafi (1985), Terdapat lima jenis reka bentuk bumbung yang menjadi pilihan utama di Cina iaitu campuran bumbung panjang, bumbung panjang, bumbung lima (*mu tien*) dan bumbung lima (*hsuan shan*) dan bumbung piramid (*tsuan tsien*). Menurut beliau lagi, setiap daripada lima jenis bumbung ini harus dihiasi dengan sulur buyur dan mahkota atap. Setelah diperkenalkan di alam Melayu oleh masyarakat Cina, kelima-lima jenis bumbung ini diubahsuai mengikut kesesuaian dan penerimaan masyarakat di alam Melayu khususnya di Melaka. Seiring perkembangan Islam di

Melaka, banyak masjid telah dibina pada abad ke-19 M dan mempunyai reka bentuk yang serupa dengan seni bina masjid di Nusantara.

Mahkota Atap Masjid merupakan sebahagian daripada elemen seni bina masjid tradisional yang semakin dipinggirkan di alam Melayu. Mahkota atap ialah perhiasan yang paling cantik diletakkan di atas puncak bumbung masjid tradisional berbentuk atap tumpang. Reka bentuk seperti mahkota ini boleh didapati di masjid Nusantara, Cina dan Melaka (Kohl 1978). Mahkota ini dikatakan berasal daripada wilayah Canton, Fukien dan Cina Setelah masyarakat cina berhijrah ke Melaka, mahkota ini telah diperkenalkan sebagai salah satu komponen dan ciri penting dalam binaan masjid dan telah dianggap sebagai satu identiti masjid di Melaka.

Selain dikenali sebagai mahkota atap masjid, ia juga dinamakan sebagai mustoka di Cirebon dan hiasan puncak di Sunda (Abdul Halim 2004). Berbeza pula di pantai Timur ia dikenali sebagai Buah buton dan buah gutong dan ia diperbuat daripada kayu. Manakala, mahkota atap bagi masjid tradisional di Melaka pula bahan binaannya diperbuat daripada karang laut yang dicampur dengan telur bagi menggantikan simen dan diukir dalam bentuk bertingkat sama ada tiga atau empat tingkat dan kebiasaannya hiasan ini berbentuk seperti stupa (Nash 1998). Abdullah Yusof & Syaimak Ismail (2014) menyatakan bahawa mahkota atap memiliki daya ketahanan yang tinggi dan mampu bertahan dalam tempoh yang sangat lama disebabkan bahan yang digunakan adalah daripada seramik. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya ia boleh bertahan selama ratusan tahun sehingga ke hari ini dan masih teguh berada di atas puncak bumbung masjid tradisional di Melaka. Justeru, rekaan mahkota atap masjid di negeri Melaka pada abad ke-18 dan ke-20 Masihi mempunyai keunikan daripada segi rekaan dan memberi satu identiti kepada seni bina masjid di Melaka (Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi 2012).

Rekaan mahkota atap masjid tradisional di Melaka mempunyai ciri-ciri yang amat unik. Setiap rekaan mahkota ini mempunyai bentuk yang tersendiri. Daripada segi motif yang sering digunakan pada rekaan mahkota atap di Melaka yang menjadi pilihan ialah sulur daun dan juga bunga teratai (Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi 2012). Namun terdapat juga motif-motif lain yang boleh didapati pada mahkota atap masjid di Melaka. Mahkota atap di Melaka juga mempunyai bentuk piramid yang mana mempunyai saiz yang lebih besar di bahagian bawah dan saiz yang kecil di bahagian atas puncak. Dalam kata lainnya, mahkota atap ini berfungsi sebagai pengunci kemuncak atap.

Walau bagaimanapun, hiasan yang cantik ini semakin dipinggirkan masyarakat disebabkan ketidakfahaman masyarakat terhadap objek seni Islam tempatan dan menganggap ia tidak sesuai diletakkan pada bangunan masjid. Bukan itu sahaja, antara faktor yang menyebabkan objek warisan budaya ini semakin berkurangan adalah disebabkan kos penyelenggaraan yang tinggi dan faktor keberadaan mahkota atap masjid itu sendiri berada di tempat yang tinggi dan menyebabkan ia sukar untuk dipelihara. Oleh sebab kewujudannya semakin hari semakin berkurangan, masyarakat Islam tempatan dan pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) perlu mengambil inisiatif dalam melestarikannya sebagai warisan budaya agar ia tidak terus hilang di telan zaman.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Data utama dalam kajian ini adalah mahkota atap masjid tradisional Melaka yang telah didokumenkan semasa kajian lapangan di tiga daerah di Melaka iaitu di Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah. Data di ambil dan dikumpulkan daripada sesi fotografi dengan menggunakan Dron DJI Phantom 3 Standard selepas mendapat kebenaran daripada pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Analisis pemetaan dijalankan dengan menggunakan perisian *Google Maps*. Setiap lokasi masjid ini juga telah dicatatkan koordinat dengan menggunakan aplikasi MyGPS Coordinate. Dengan adanya, aplikasi ini dapat mencatatkan koordinat sesuatu lokasi dan maklumat penting bagi tujuan pemetaan. Seterusnya, Adobe Illustrator juga digunakan untuk menghasilkan lakaran visual rekaan mahkota atap masjid di Melaka. Analisis tipologi dilakukan terhadap bentuk fizikal di setiap

bahagian yang terdapat pada mahkota atap masjid yang terdiri daripada tapak, badan, kepala dan hiasan puncak

DAPATAN KAJIAN

Kemasukan Islam di Melaka pada abad ke-13 M, telah menyebabkan beberapa buah masjid telah mula dibina bagi kegunaan masyarakat setempat bagi menjalankan ibadah dan kegiatan keagamaan. Selepas Islam berkembang di Melaka, jumlah masjid yang dibina semakin meningkat dan sehingga kini terdapat lebih kurang 178 buah masjid yang dibina termasuk masjid-masjid baru. Penambahan jumlah penduduk menyebabkan masjid-masjid baharu dibina bagi menampung lebih ramai jemaah masjid.

Walau bagaimanapun, masjid-masjid tradisional yang telah lama dibina masih lagi digunakan dan masih mempunyai rekaan hiasan pada puncak masjid. Justeru kajian pemetaan dijalankan bagi mengenal pasti lokasi masjid yang masih mempunyai mahkota atap agar terus dipelihara daripada dimusnahkan dengan menggantikan ia dengan elemen yang baru seperti kubah yang terdapat pada masjid sekarang. Justeru, kertas ini akan membincangkan hasil kajian berkenaan pemetaan bagi lokasi masjid tradisional di Melaka yang masih mempunyai hiasan mahkota atap di bahagian bumbung masjid. Selain itu, analisis tipologi bagi mahkota atap masjid juga akan dibincangkan dan dijelaskan dalam kertas ini. Berikut merupakan peta dan koordinat lokasi bagi pemetaan masjid yang masih mempunyai mahkota atap masjid tradisional di tiga buah daerah negeri Melaka iaitu di Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah.

DAERAH JASIN

Berdasarkan kajian pemetaan yang dijalankan, daerah Jasin merupakan sebuah kawasan pedalaman yang mempunyai pusat pentadbiran di sebuah bandar kecil. Kegiatan ekonomi perladangan getah dan penanaman kepala sawit merupakan tumpuan utama di daerah ini. Sementara itu, sektor pembuatan dan sektor kerajaan dijalankan pada skala yang lebih kecil. Daerah ini merupakan daerah pertama yang memulakan penanaman gambir untuk dieksport sehingga kini.



Peta 1. Lokasi Masjid-masjid Tradisional di daerah Jasin


Sumber: Nurfarahana Ismail 2019

Peta 1 memaparkan taburan lokasi bagi masjid di daerah Jasin yang masih mempunyai hiasan pada puncak masjid iaitu mahkota atap. Terdapat enam buah masjid yang masih mengekalkan mahkota pada bumbung atap masjid yang mana ia merupakan hiasan seni yang sangat menarik dan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Setiap daripada masjid ini terletak pada jarak yang jauh antara satu masjid dengan masjid yang lain dan di pedalaman. Antara masjid yang paling jauh daripada masjid yang lain ialah masjid At-Taqwa Kg. Rim (Label no 1) dan seterusnya masjid yang

bertanda (No. 2) iaitu Masjid Lama Kg. Ayer Barok, No.3 (Masjid Nurul Iman Ayer Panas), dan No. 4 (Masjid Kg. Tehel) terletak di pedalaman dan di kawasan luar bandar.

Sementara itu, lokasi Masjid Jamek Serkam yang (no. 5) dan Masjid Sebatu (no. 6) terletak berhampiran garisan persisiran pantai. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, hampir kesemua masjid ini terletak berhampiran jalan utama dan setiap masjid ini mempunyai jarak yang jauh dan persekitaran kawasan masjid ini dikelilingi dan terletak di sekitar kawasan perumahan dan perkampungan. Hal ini menunjukkan masjid tersebut masih berfungsi dan digunakan oleh penduduk setempat walaupun usianya telah mencecah ratusan tahun. Kebanyakan penduduk tetap di kawasan tersebut yang menggunakan masjid ini. Sementara itu, terdapat lebih kurang beberapa buah masjid yang bermahkota ini terletak di sekitar kawasan pekan Jasin dan berdekatan dengan kawasan sekolah seperti Masjid Ayer Barok.

DAERAH MELAKA TENGAH



Peta 2. Peta Daerah Melaka Tengah
Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019

Melalui kajian ini, penyelidik mendapati Melaka Tengah merupakan sebuah pusat pentadbiran dan pusat ekonomi yang paling maju berbanding dengan dua daerah yang lain. Berdasarkan peta 2 iaitu daerah Melaka Tengah, bilangan masjid yang didokumenkan masih mempunyai rekaan mahkota atap masjid adalah sebanyak 17 buah masjid daripada 65 buah masjid yang ada di daerah ini. Hal ini menjadikan daerah Melaka Tengah kawasan yang mempunyai bilangan mahkota atap masjid yang paling banyak di Melaka.

Seperti yang ditunjukkan dalam Peta 2, terdapat tiga buah masjid yang terletak di kawasan pelancongan iaitu di kawasan bandar yang menjadi tarikan utama iaitu Masjid Kampung Kling (no 3) dan Masjid Kampung Hulu (no 4) serta Masjid Tengkeria (no 5) yang mana ia terletak agak jauh sedikit daripada pusat bandar. Ketiga-tiga masjid ini merupakan masjid yang tertua dan yang menjadi tumpuan kepada para pelancong tidak kira daripada pelbagai bangsa dan agama.

Seterusnya, kebanyakan masjid terletak berhampiran dengan kawasan garisan persisiran pantai seperti yang dilihat dalam Peta 2 antaranya Masjid Saad Ibni Abi Waqqas, Klebang Besar (no 7), Masjid Bilal Bin Rabah, Tanjung Kling Melaka (no 8), Masjid Al Khairiah, Telok Mas (no 14), Masjid Pokok Asam (no 15) dan Masjid Al Falahin Alai Melaka (no 16). Masjid-masjid ini merupakan masjid yang menjadi tumpuan utama kepada penduduk setempat kerana kedudukannya yang terletak di kawasan pekan dan kawasan perkampungan. Masjid-masjid ini terletak di kawasan pedalaman sama ada di luar bandar atau di bandar. Begitu juga masjid-masjid yang terletak di kawasan pekan dan berdekatan dengan kawasan perumahan.


Manakala Masjid Fathur Rahman Pengkalan Rama (no 1) dan Masjid Al Hamideen Bukit Cina (no 2) terletak di kawasan perniagaan. Selain itu, terdapat beberapa masjid tradisional yang terdiri daripada Masjid Fathur Rahman Pengkalan Rama (no 1), Masjid Kampung Kling (no 3), Masjid Al Hamideen Bukit Cina (no 2), Masjid Tengkeri (no 5) dan Masjid Kg Hulu yang ditempatkan di tempat kejiranan masyarakat bukan Islam iaitu di kawasan penduduk Cina di samping menjalankan kegiatan perniagaan mereka.

Terdapat juga masjid-masjid yang dibina di kawasan penempatan masyarakat Melayu tradisional, seperti Masjid An-Nur Peringgit (no 6), Masjid Tangga Batu Kecil (no 9), Masjid Wadhi As-Sidiq, Paya Rumput Jaya (no 10), Masjid Al-Faizin, Kampung Bertam Malim (no 11), Masjid Semabok (no 12), Masjid Kampung Duyong (no 13), Masjid Al Khairiah, Telok Mas (no 14) dan Masjid Al Falahin, Alai Melaka (no 16) dan Masjid Lama Bukit Bayan (no 17).

Sementara itu, beberapa masjid tradisional ditempatkan di jalan-jalan utama yang sibuk antaranya ialah Masjid Tangga Batu Kecil, Masjid Tengkeri dan Masjid Klebang Besar yang mana kawasan tersebut mempunyai ruang yang terhad. Justeru, terdapat beberapa masjid baru telah dibina di sekitar kawasan kediaman kerana untuk menampung kapasiti ruang yang lebih besar kerana berlakunya penambahan penduduk. Kesemua masjid di daerah Melaka Tengah yang telah dijumpai mempunyai reka bentuk mahkota yang sangat cantik dan beragam hias.

DAERAH ALOR GAJAH

Peta 3 memperlihatkan taburan lokasi bagi masjid di daerah Alor Gajah yang masih mengekalkan rekaan mahkota atap masjid. Setiap lokasi masjid di daerah ini terletak pada jarak yang jauh antara satu lokasi masjid dengan lokasi masjid yang lain dan pedalaman.



Peta 3. Lokasi Masjid Bermahkota Di Daerah Alor Gajah
Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019

Lokasi kajian yang terakhir adalah di daerah Alor Gajah yang mana ia terletak bersebelahan dengan Negeri Sembilan. Daerah ini merupakan daerah yang menjalankan kawasan perindustrian sejak beberapa tahun yang lalu. Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat 60 buah masjid yang ada di daerah ini termasuk masjid yang baharu dibina. Namun, melalui pemerhatian dan kajian yang dilakukan mendapati jumlah masjid yang masih mempunyai rekaan mahkota atap masjid hanya dijumpai sebanyak 14 buah masjid. Setiap daripada masjid ini terletak di kawasan agak jauh antara satu dengan yang lain dan pedalaman.

Kajian ini mendapati, sebuah masjid tradisional iaitu Masjid Belimbing Dalam yang tidak berfungsi dan telah ditinggalkan agak lama sehingga mengalami kerosakan dan hancur akibat

penduduk kampung mengabaikannya apabila masjid baru telah dibina. Selain itu, terdapat juga masjid yang tidak lagi berfungsi terletak di pekan Alor Gajah iaitu masjid lama Masjid Tanah (no 11) dan Masjid Ramuan China (no 6) juga sudah tidak lagi digunakan kerana telah ada pembinaan masjid baru di belakang masjid tersebut. Hal ini menunjukkan perubahan masa dan zaman serta persepsi masyarakat setempat telah menyebabkan hiasan masjid ini tidak lagi digunakan di kebanyakan masjid dalam daerah ini. Pembinaan masjid-masjid baru juga lebih berkonsepkan hiasan sederhana di bahagian puncak bumbung masjid yang berbentuk kubah berserta hiasan bulan dan bintang.

Berdasarkan kajian pemetaan yang dijalankan, kebanyakan masjid warisan di daerah ini masih lagi berfungsi dengan baik dan digunakan untuk beribadah dan menjalankan aktiviti keagamaan oleh penduduk setempat. Terdapat masjid yang terletak di kawasan perkampungan dan berdekatan kawasan pekan seperti Masjid Tanah (no 6) serta terletak di tepi jalan antaranya ialah masjid Sg. Petai (no 1) dan Masjid Al-Aman (no 2). Manakala, terdapat sebuah masjid iaitu masjid Al-Jauhar (no 3) yang terletak di tepi jalan berdekatan laluan lebuh raya AMJ dan seterusnya sebuah lagi masjid yang terletak di bawah lereng bukit iaitu masjid Melekek luar (no 4). Terdapat juga lokasi masjid yang terletak agak jauh daripada masjid yang lain iaitu Masjid Parit Melana (no 13). Terdapat beberapa buah masjid yang terletak di kawasan perkampungan dan berdekatan jalan raya iaitu Masjid Dahariyah Kampung Berisu (no 5), Masjid Al Mujib (no 10) dan Masjid Datuk Janggut (no 12). Sementara itu, terdapat juga masjid yang telah diubah suai dan masih memelihara khazanah warisan tidak ketara ini dan masih diletakkan di atas bumbung masjid.

ANALISIS TIPOLOGI BAGI LOKASI MASJID TRADISIONAL DI MELAKA

Melalui kajian pemetaan yang dijalankan di ketiga-tiga daerah iaitu daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah mendapati bahawa khazanah warisan seni Islam yang dikenali sebagai mahkota atap masjid ini akan terus terancam sekiranya tindakan selanjutnya tidak diambil bagi melindungi warisan sejarah ini seperti menjalankan kerja pemuliharaan dan pemuliharaan terhadap rekaan mahkota atap masjid tersebut. Terdapat beberapa buah masjid warisan terletak di kawasan tengah bandar, kawasan perniagaan, kawasan pusat pelancongan, kawasan luar bandar dan kawasan bandar yang telah direkodkan lokasinya bagi tujuan pendokumentasian. Berikut merupakan jumlah masjid warisan yang masih mempunyai rekaan mahkota atap di Negeri Melaka:

Jadual 1. Bilangan Masjid Tradisional Yang Mempunyai Mahkota Atap Masjid

DAERAH	BILANGAN MASJID
Jasin	6 Buah masjid
Melaka Tengah	18 Buah masjid
Alor Gajah	14 Buah masjid

Jadual 1. menunjukkan bilangan masjid warisan yang masih mempunyai mahkota di atas puncak bumbung masjid. Bilangan ini sangat sedikit berbanding jumlah masjid yang ada di negeri Melaka dan termasuk yang telah diwartakan oleh pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sebagai bangunan warisan iaitu sebanyak 56 buah masjid. Melalui kajian yang dijalankan terdapat lebih kurang 38 buah masjid di keseluruhan Melaka yang masih mengekalkan rekaan hiasan mahkota atap masjid. Hal ini disebabkan kebanyakan masjid lama telah menggantikan mahkota atap masjid tersebut dengan elemen seni bina baru seperti kubah bawang yang mempunyai bentuk bulan dan bintang pecah lima. Terdapat juga masjid-masjid baru yang moden telah dibina bagi menggantikan masjid warisan di Melaka. Hal ini mungkin disebabkan penambahan penduduk yang menyebabkan masjid-masjid baru banyak dibina bagi menampung lebih ramai jemaah solat pada setiap kadar waktu tertentu.

Sementara itu, Jasin merupakan daerah yang paling sedikit mempunyai masjid tradisional yang masih mempunyai elemen hiasan mahkota atap masjid. Kebanyakan masjid yang ada telah digantikan dengan elemen kubah yang biasa dipakai pada masa kini. Berdasarkan pemerhatian, masjid-masjid yang masih mempunyai mahkota atap ini kebanyakannya terletak di kawasan pedalaman dan kawasan luar bandar. Terdapat juga lokasi masjid yang terletak di garisan pantai. Lokasi masjid juga kebanyakan terletak di jalan utama di tepi jalan raya. Lokasi bagi setiap masjid juga terletak agak jauh dan mengambil masa untuk sampai ke lokasi masjid yang lain. Selain itu, kebanyakan penduduk yang telah menetap lama di kawasan tersebut yang masih menggunakan masjid tradisional untuk kegunaan aktiviti keagamaan dan aktiviti harian. Walau bagaimanapun, masjid yang sedia ada telah membuat penambahan dan pengubahsuaian ruang bagi menampung jemaah solat yang semakin ramai dari semasa ke semasa.


Manakala di daerah Melaka Tengah pula merupakan daerah paling banyak masjid yang mempunyai mahkota atap masjid dan mempunyai pelbagai bentuk dan ragam hias yang sangat menarik dan unik. Berdasarkan pemerhatian, Melaka Tengah mempunyai reka bentuk mahkota atap masjid yang pelbagai bentuk dan dekorasinya. Beberapa buah masjid yang terletak di tengah bandar dan menjadi mercu bagi masjid tradisional di Melaka. Terdapat juga lokasi masjid yang terletak di kawasan berhampiran garisan pantai. Selain itu, lokasi masjid juga kebanyakan terletak di jalan raya utama. Terdapat juga masjid yang masih mempunyai mahkota atap ini yang terletak di kawasan pedalaman dan kawasan luar bandar. Perkara paling berharga sekali ialah masyarakat setempat tidak kira bangsa dan kaum bersama-sama menghormati rumah ibadat masing-masing dan hidup dalam keadaan harmoni.

Alor Gajah pula merupakan daerah kedua terbanyak menggunakan mahkota atap masjid. Walau bagaimanapun mahkota atap yang terdapat di daerah ini adalah lebih sederhana berbanding dengan dua buah daerah lain. Kebanyakan masjid-masjid tradisional ini terletak di kawasan luar bandar. Lokasi masjid juga kebanyakannya terletak di tepi jalan raya dan jalan raya utama. Justeru, hasil pemetaan ini telah berjaya mendokumenkan sebanyak 14 buah masjid-masjid tradisional di daerah ini.

ANALISIS TIPOLOGI REKAAN MAHKOTA ATAP MASJID-MASJID TRADISIONAL DI MELAKA

Dalam kajian ini, pengkaji membuat inventori berkenaan seni bina Islam iaitu seni bina pada masjid tradisional di Melaka dengan menjalankan pendokumentasian terhadap elemen struktur hiasan mahkota atap masjid yang kini semakin berkurangan jumlah penggunaannya dan digantikan dengan elemen seni bina baru seperti kubah. Sekiranya usaha pendokumentasian ini tidak dilakukan, kewujudan warisan tidak ketara ini sudah pasti tidak akan bertahan lama sehingga ke generasi hadapan.


Melalui pemetaan ini, pengkaji dapat menjelaskan tipologi bagi reka bentuk rekaan mahkota atap masjid tradisional di Melaka mengikut pembahagian yang dikategorikan seperti tapak, badan, kepala dan hiasan puncak seperti yang dijelaskan dalam rajah 1. Berikut merupakan anatomi bagi reka bentuk mahkota atap masjid tradisional yang telah dijelaskan.



Rajah 1. Anatomi bagi rekaan mahkota atap masjid Pengkalan Rama, Melaka Tengah
 Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019

Berdasarkan kajian tipologi ini, terdapat empat jenis reka bentuk mahkota atap masjid tradisional di Melaka iaitu yang pertama ialah reka bentuk yang padat berbentuk 3 dimensi dan mempunyai empat permukaan. Jenis kedua ialah reka bentuk yang separa padat atau *semi solid*. Jenis ketiga, reka bentuk yang berangka yang mempunyai potongan yang kemas. Jenis yang terakhir ialah reka bentuk kerangka besi yang diperbuat daripada elemen batang besi yang dilenturkan menjadi satu rekaan yang menarik.

Mahkota ini mempunyai perincian bentuk dan ragam hias yang sangat menarik dan mempunyai rekaan sebanyak 5 tingkat. Di setiap tingkat mempunyai reka bentuk dan susunan yang hampir sama. Berikut merupakan contoh pembahagian tipologi berserta huraian ciri-ciri pada reka bentuk mahkota atap masjid Masjid Al-Mujib, Alor Gajah



Rajah 2. Pembahagian ciri-ciri bagi rekaan mahkota atap masjid Al-Mujib, Alor Gajah
 Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019


Mahkota ini mempunyai 5 lapisan atau tingkat dan setiap tingkat mempunyai reka bentuk yang hampir sama. Berikut merupakan contoh pembahagian tipologi berserta huraian ciri-ciri pada reka bentuk mahkota atap Masjid An - Nur Peringgit, Melaka Tengah



Rajah 3. Pembahagian ciri-ciri bagi rekaan Mahkota Atap Masjid An - Nur Peringgit, Melaka Tengah

Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019

Mahkota ini merupakan mahkota atap yang paling unik dan yang diperbuat daripada logam dan berangka. Mahkota ini mempunyai 5 tingkat hiasan. Berikut merupakan contoh pembahagian tipologi berserta huraian ciri-ciri pada reka bentuk Mahkota atap Masjid Duyong, Melaka Tengah.




Rajah 4. Pembahagian ciri-ciri bagi rekaan Mahkota Atap Masjid Jamek Duyong, Melaka Tengah

Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019

Masjid ini mempunyai mahkota yang paling menyerlah dan unik antara rekaan mahkota atap lain yang ada di daerah Jasin. Rekaan mahkota ini juga merupakan mahkota yang paling besar dan

tinggi di daerah Jasin yang mempunyai 6 tingkat. Berikut merupakan contoh pembahagian tipologi berserta huraian ciri-ciri pada reka bentuk mahkota atap Masjid Ayer Barok, Jasin.



Rajah 5. Pembahagian ciri-ciri bagi rekaan Mahkota Atap Masjid Ayer Barok, Jasin

Sumber: Nurfarahhana Ismail 2019

Berdasarkan tipologi reka bentuk mahkota atap masjid yang telah dijelaskan menunjukkan bahawa terdapat beberapa ciri khas yang menjadikan reka bentuk mahkota atap yang kelihatan menarik. Antara ciri utama adalah berbentuk empat persegi dan bertingkat, mempunyai hiasan sudut. Berdasarkan penelitian terhadap reka bentuk mahkota atap masjid tradisional di Melaka dapat dirumuskan bahawa ia bertepatan dan bersesuaian dengan ajaran Islam yang mana tidak mempunyai bentuk atau motif yang terlarang seperti bentuk figura mahupun motif haiwan. Terdapat beberapa reka bentuk dan motif yang telah mengalami stailisasi kepada motif yang lebih sesuai seperti sulur bayung yang terdapat pada setiap penjuru sudut mahkota.

Hasil dapatan analisis ini memperlihatkan kelainan seni bina masjid warisan selain berbentuk kubah yang memperlihatkan keunikan dan identiti bangsa yang membinanya. Rekaan mahkota atap masjid bukan sahaja sekadar binaan malah mempunyai nilai estetik hasil daripada asimilasi budaya yang membentuk satu perpaduan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis pemetaan dan tipologi yang dibuat terhadap rekaan mahkota atap masjid tradisional di Melaka memperlihatkan kepelbagaian dan keindahan warisan budaya kesenian Islam khususnya di Melaka. Setiap daripada rekaan mahkota atap masjid ini mempunyai keunikan dan gayanya yang tersendiri hasil daripada pertukangan seniman Melayu untuk memperkayakan warisan seni Islam mereka. Namun begitu, tindakan sewajarnya perlu diambil bagi melindungi khazanah warisan ini bagi negeri Melaka khususnya untuk rekaan mahkota atap masjid yang sememangnya telah menerapkan unsur kesenian Islam tanpa menggunakan unsur figura dalam rekaan mahkota atap masjid. Justeru, pemetaan bagi masjid warisan yang dijalankan dalam kajian ini dapat mengenal pasti kawasan dan mendokumentasikan seni mahkota atap masjid tradisional di Melaka. Diharapkan agar seni warisan tidak ketara ini terus di pelihara dan dipulihara agar tidak terus diancam kepupusan dan dipelihara sebagai seni warisan tempatan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1979. *Masjid-Masjid di Nusantara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Nasir. 2004. *Mosque Architecture in the Malay World*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdullah Yusof dan Syaimak Ismail. 2014. Sumbangan Pertukangan Cina terhadap Reka Bentuk Masjid: Kajian Terhadap Komponen Luar Masjid di Melaka Pada Abad Ke-18. *Jurnal al-Tamaddun* 9(1): 57-66.
- Anisah Bahyah Ahmad & Wan Kamal Mujani. 2013. Masjid Tengkeru: Satu Tinjauan Terhadap Seni Bina. *Prosiding Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia*, hlm. 49-60.
- Boyd, A. 1962. *Chinese Architecture and Town Planning*. London: University of Chicago Press.
- Graaf, H.J. de. Cetakan kedua. 2004. Cetakan kedua. Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI antara Historisitas dan Mitos, terjemahan dari *Chinese Muslims in Java in the 15th and 16th centuries: The Malay Annals of Semarang and Cirebon*. Yogya: PT Tiara Wacana.
- Handinoto dan Samuel Hartono. 2007. Pengaruh Pertukangan Cina Pada Bangunan Masjid Kuno di Jawa Abad 15-16. Dlm. *Dimensi Teknik Arsitektur* 35(1): 23-40.
- Kohl, David.G. 1978. Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya. Tesis Sarjana. University of Hong Kong.
- Lombard Denys. 1996. *Nusa Jawa: Silang Budaya*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. 1995. *Aspek-Aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mastor Surat. 2008. *Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nash Rahman. 1998. *Masjid: Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Puncak Awal.
- Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi. 2012. Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua abad ke-18. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25: 116-130.
- Zulkifli Hanafi. 1985. *Konpendium Sejarah Seni bina Timur*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Nurfarahhana Ismail
Pelajar Sarjana
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: p97961@siswa.ukm.edu.my

Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Ph.D)
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my

Zuliskandar Ramli (Ph.D)
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: ziskandar@ukm.edu.my

Received : 12 November 2020
Accepted : 4 Mac 2021
Published : 30 April 2021